

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK WIRA KOH NAI
KWONG**

TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah Kementerian yang telah diambil untuk menjalinkan kerjasama dengan syarikat-syarikat dan badan bukan kerajaan (NGOs) dalam meningkatkan kesedaran ibu bapa mengenai tanda-tanda penderaan seksual kanak-kanak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa memandang serius isu penderaan seksual terhadap kanak-kanak yang merupakan salah satu kes jenayah seksual. Beberapa panduan telah dibangunkan untuk mengatasi isu ini seperti berikut:

- a) **Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA)** dilaksanakan bagi memberi pendidikan dan pengetahuan kepada ibu bapa dan penjaga mengenai keselamatan keluarga dan anak. Pengisian program ini merangkumi pengetahuan mengenai aspek keselamatan di rumah, di luar rumah dan di alam siber. Program ini telah memberi manfaat kepada 17,550 ibu bapa dan penjaga. Modul bagi program ini sedang ditambah nilai berkaitan komunikasi dan teknologi digital dengan komponen keibubapaan digital bagi memastikan pengawasan berkaitan dunia siber dan digitalisasi dapat diterapkan oleh ibu bapa kepada anak mereka.
- b) Bersesuaian dengan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak dalam Dunia Siber, **LPPKN telah bekerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang mempunyai modul latihan pornografi dan jenayah seksual terhadap kanak-kanak** seperti Pertubuhan IKRAM Malaysia melalui modul *Malaysia Against Pornography* dan Persatuan WADAH Pencerdasan Umat Malaysia melalui modul Sekeluarga Tolak Pornografi (STOP).
- c) Selain itu, satu **program Bual Bicara Keselamatan dan Perlindungan Kanak-kanak** telah diadakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bersama Majlis Perwakilan Kanak-kanak Kebangsaan (MPKK) secara webinar pada bulan Ogos dan September 2021. Antara isu-isu yang diberi keutamaan adalah isu gangguan seksual terhadap kanak-kanak, kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak semasa pandemik COVID-19, buli siber, penderaan domestik semasa PKP dan lain-lain. Jumlah **tontonan dan penyertaan mencecah 15,000 orang**.

- d) Bertepatan dengan pelestarian era digital, satu **kempen digital** ‘**Jangan Malu Ambil Tahu, Jangan Malu Bagi Tahu**’ dijalankan pada tahun 2021 melalui media sosial dan media massa untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran berkaitan kesihatan reproduktif dan jenayah seksual kepada kanak-kanak dan remaja. Sejumlah 7.4 juta orang daripada kalangan ibu bapa, pendidik, dan remaja telah mendapat manfaat daripada kempen ini.
- e) Satu **Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual** juga telah diwujudkan sebagai panduan untuk membolehkan ibu bapa / individu / majikan yang mengambil seseorang untuk menguruskan kanak-kanak membuat semakan bagi memastikan individu tersebut tidak mempunyai sebarang rekod jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Penyelia kepada sistem ini adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan ibu bapa yang ingin mendapatkan maklumat berkaitan sistem ini boleh menghubungi Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) berdekatan.
- f) Melalui Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga menetapkan komitmen pemegang taruh utama di peringkat kerajaan, swasta, mahupun Badan Bukan Kerajaan untuk meningkatkan advokasi SRH termasuk isu jenayah seksual kepada kanak-kanak.
- g) Pembangunan ‘Akademi Keluarga Sejahtera’ (AKS) di laman *Facebook* juga dijadikan platform pendidikan kekeluargaan bagi pihak kementerian dan agensi di bawahnya untuk mengupas topik semasa dan isu-isu sosial berkaitan kumpulan sasar KPWK. AKS juga turut menjadi medium kepada ahli akademik dan pakar kekeluargaan untuk berkongsi ilmu dan tips kekeluargaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR**

TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bentuk libat urus yang telah dilakukan bagi mendengar luahan hati Wanita-wanita yang pernah menjadi mangsa jenaka lucah seperti Dato' Pandalela Rinong dan pelakon Raja Farah serta tindakan Kementerian terhadap individu-individu terkenal yang terlibat dalam perbuatan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Gangguan seksual boleh terjadi di mana sahaja seperti di tempat kediaman, tempat kerja, mana-mana institusi awam atau swasta dan tempat awam. Ia juga boleh berlaku melalui **apa jua bentuk** termasuk jenaka lucah kepada mana-mana individu tanpa mengira jantina, usia, kaum ataupun agama.

Untuk makluman YB Senator, KPWKM tidak mengadakan sesi libat urus khusus bagi individu-individu yang telah dinyatakan iaitu Dato' Pandalela Rinong dan pelakon Raja Farah. Walau bagaimanapun, Kementerian ini ingin menegaskan isu gangguan seksual harus diberi perhatian yang serius kerana ia boleh mendorong kepada perlakuan jenayah seksual yang lebih berat seperti serangan atau keganasan seksual seperti rogol. Perlakuan gangguan seksual tidak wajar dianggap kecil, remeh dan tidak penting kerana ia memberi kesan negatif terutamanya kepada psikologi mangsa seperti trauma, fobia, takut dan seterusnya menjejaskan rutin harian, produktiviti, kesejahteraan dan kehidupan mangsa secara keseluruhannya.

Bagi mencapai hasrat ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengambil inisiatif untuk menggubal Rang Undang Undang Anti-Gangguan Seksual selari dengan kuasa untuk membuat undang-undang seperti yang telah diperuntukkan di bawah Perkara 73 (a) dan 74(1), Perlembagaan Persekutuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang Antigangguan Seksual akan dibacakan untuk kali pertama pada sidang kali ini yang dijadualkan pada hari esok 15 Disember 2021.

Pada masa yang sama, Kementerian terutamanya melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) giat mengadakan program-program untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang gangguan seksual supaya dapat mengelakkan perlakuan tersebut daripada terus berleluasa sama ada secara fizikal, visual ataupun lain-lain bentuk. Pada tahun ini

SOALAN NO. : 13

sehingga Jun 2021, sebanyak 53 program kesedaran telah dilaksanakan oleh JPW dengan penglibatan seramai 11,367 peserta di seluruh negeri.

Saya juga menyeru agar semua pihak **meningkatkan pemahaman dan kesedaran masyarakat tentang perlakuan gangguan seksual** dan kesan-kesannya terhadap mangsa serta menghapuskan budaya misogini dan menormalisasikan gangguan seksual sebagai jenaka atau gurauan di kalangan masyarakat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' ZAIEDI HAJI
SUHAILI**

TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Dato' Zaiedi Haji Suhaili minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimana kaedah dan cara yang paling berkesan bagi negara untuk mewujudkan pusat jagaan dan rehabilitasi bagi kumpulan warga emas, kumpulan sakit psikologi (jiwa) di setiap daerah dengan sokongan GLC dan sektor korporat agar kerjasama ini seiring dengan agenda dan dasar Keluarga Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan unjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia dijangka menjadi sebuah negara tua (*aged nation*) pada tahun 2030 apabila penduduk negara ini yang berumur 60 tahun dan ke atas mencapai 15% daripada jumlah keseluruhan penduduk pada tahun tersebut.

Sejajar dengan peningkatan bilangan warga emas, KPWKMM mengutamakan pendekatan **persediaan, pencegahan dan pengukuhan yang memerlukan perubahan paradigma** dalam pelaksanaan program daripada berorientasikan kebajikan warga emas kepada pembangunan yang melibatkan tanggungjawab diri, keluarga, komuniti dan semua pihak yang berkepentingan (*stakeholders*) seperti kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan anggota masyarakat. Berdasarkan Pelan Strategik KPWKMM 2021-2025, kerjasama strategik bersama *Government Listed Company* (GLC) akan terus dipergiatkan lagi menerusi agensi pelaksana JKM bagi perkhidmatan warga emas termasuklah dalam bidang penjagaan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKMM) melalui **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)** merupakan agensi yang bertanggungjawab mengeluarkan **Perakuan Pendaftaran Pusat Jagaan kepada Pengendali Pusat Jagaan**. Pusat jagaan yang diluluskan beroperasi mestilah mematuhi **standard minimum yang ditetapkan oleh JKM, Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994** yang menetapkan Standard minimum dari segi nisbah penjaga, nisbah ruang lantai, menu makanan dan minuman, rekod-rekod pentadbiran, aktiviti bersesuaian yang dijalankan, peralatan dan perabot yang sesuai dan kebersihan serta keselamatan luar dan dalam premis.

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat 2 jenis pusat jagaan iaitu jenis **Berkediaman dan Harian yang dikendalikan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau swasta**. NGO ini berdaftar dengan Jabatan Pendaftar Pertubuhan/ Undang-Undang Tubuh yang lain dan manakala Agensi Swasta adalah yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Pusat jagaan ini memberikan perkhidmatan **perlindungan, pengawasan, pemulihan dan latihan kepada salah satu kumpulan sasar atau lebih iaitu kanak-kanak, orang kurang upaya (OKU), warga emas dan wanita**. **Sehingga September 2021**, terdapat sebanyak **68 buah pusat jagaan warga emas yang dikendalikan oleh NGO dan 316 buah pusat jagaan warga emas persendirian/swasta** yang sedang beroperasi di seluruh negara. Kesemua pusat jagaan warga emas ini telah berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 [*Akta 506*].

Dalam pada masa yang sama, pada tahun ini Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat juga telah menyalurkan peruntukan **sebanyak RM1.68 juta (RM1,680,338.00) kepada 21 buah Pertubuhan Sukarela Kebajikan Kategori Warga Emas**.

Kementerian amat mengalu-alukan penyertaan NGO dan Swasta untuk membuka pusat jagaan kerana NGO ini adalah merupakan rakan strategik JKM. Penyertaan dalam *Corporate Social Responsibility (CSR)* ini amat membantu kementerian untuk mewujudkan lebih banyak institusi yang memberikan perkhidmatan untuk kebajikan dan kesejahteraan kumpulan sasar yang memerlukan.

Sekian, terima kasih.